

NO SOALAN :40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

**TARIKH : 10.3.2015
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah peserta PLKN mengikut taburan kaum, agama, jantina dan pusat latihan semenjak ditubuhkan sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini terdapat sejumlah 81 buah kem yang beroperasi bagi pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di seluruh negara dengan jumlah pelatih Bumiputera yang telah dilatih semenjak program dilaksanakan pada 2004 adalah seramai 574,731 (69.02%), Cina seramai 181,067 (21.74%), India seramai 61,345 (7.37%) dan lain-lain bangsa seramai 13,466 (1.87%). Manakala bagi jumlah pelatih lelaki yang telah dilatih adalah seramai 457,568 (54.95%) dan perempuan seramai 375,144 (45.05%). Memandangkan agama bukan salah satu kategori atau parameter pemilihan pelatih PLKN sejak ianya dilaksanakan, maka jumlah peserta PLKN mengikut pecahan agama tidak terdapat dalam sistem pangkalan data pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN).